

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

Bahaya guna RTK kesan virus MPox

Penggunaan kit hasilkan keputusan tak tepat, berisiko sebar jangkitan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Cyberjaya: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) memberi amaran bahaya penggunaan kit ujian pantas (RTK) digunakan individu untuk mengenal pasti jangkitan virus cacar monyet atau monkeypox (MPox).

Mendedahkan perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Muralitharan Paramasua, berkata penggunaan RTK berisiko menyebabkan keputusan ujian yang tidak tepat, sekali gus menyebabkan bahaya penyebaran virus terbabit.

Beliau sebaliknya berkata, jangkitan MPox hanya boleh dikesan melalui ujian tindak balas berantai polimeras (PCR) yang hanya

boleh dikendalikan oleh profesional dan pengamal perubatan berdaftar.

Malah beliau berkata, MDA sehingga kini sudah menolak dua permohonan syarikat yang ingin membawa masuk RTK untuk MPox.

"Buat masa ini, kita tidak bersetuju membenarkan pendaftaran RTK kerana penggunaan antigen tidak semestinya membuktikan secara konklusif kehadiran MPox, sebaliknya ia boleh terkeliru dengan jenis virus lain antaranya *small pox* atau demam campak.

"Ia boleh menyebabkan kesan reaksi silang, sekali gus mencetuskan panik atau berisiko membawa kepada keputusan ujian yang tidak tepat, sekali gus menyebabkan lagi virus MPox.

"Sehingga kini MDA hanya meluluskan *Viasure Monkeypox Virus Real Time PCR Detection* daripada sebuah syarikat di Sepanyol yang hanya boleh dikendalikan golongan profesional berlesen," katanya kepada BH, semalam.

Kementerian Kesihatan (KKM) sehingga kini merekodkan satu kes positif MPox dalam varian Clade II (dua) pada Selasa lalu membatinkan seorang lelaki tempatan.

Virus MPox Clade I dikategorikan sebagai mudah berjangkit dan mempunyai kadar kematian 10 peratus, manakala Clade II mempunyai kadar kematian yang lebih rendah.

Pada masa sama, Dr Muralitharan berkata, MDA turut sedang menilai dua lagi jenama kit ujian PCR MPox yang ingin dibawa syarikat luar ke negara ini.

"Kita mendapat banyak permohonan daripada syarikat yang ingin berdaftar bagi membawa masuk kit ujian MPox termasuk RTK yang kita tolak... bagi PCR, MDA mengambil pendekatan sangat teliti sebelum memberi kelulusan," katanya.

Beliau berkata, sebarang pen-

jualan dan pembelian kit ujian MPox di farmasi, kedai runcit mahupun di platform e-dagang adalah tidak dibenarkan dan adalah kesalahan mengikut Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).

Bimbang RTK di pasaran gelap

Katanya, MDA khuatir terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk menjual kit ujian RTK melalui pasaran gelap.

"Sehingga kini, kita meningkatkan penguatkuasaan termasuk di pintu masuk negara, selain mengadakan kerjasama dengan platform e-dagang supaya melarang penjualan RTK untuk MPox," katanya,

Dr Muralitharan berkata, Malaysia mempunyai 14 makmal di seluruh negara termasuk enam daripadanya milik swasta dalam memproses hasil ujian PCR MPox.

Katanya, keputusan ujian PCR ini boleh diketahui pesakit dalam tempoh hanya beberapa jam selepas ia diambil di klinik atau hospital.

Beliau berkata, mengambil pengalaman dalam pengendalian COVID-19, MDA menambah baik prosedur operasi standard (SOP) pengurusan MPox.

"Melalui kelulusan kit ujian PCR ini, ia mampu menampung ujian secara besar-besaran dengan kesiapsiagaan kita adalah pada tahap tinggi untuk itu.

"Proses kelulusan kit ujian PCR MPox ini sangat ketat mengambil masa 14 sehingga 20 hari selepas kita mendapati mereka mematuhi penilaian yang dibuat berdasarkan ujian klinikal," katanya.

Beliau berkata, MDA sedang menilai untuk memberikan akses khas dalam meluluskan kit ujian MPox ke negara ini bagi mempercepatkan proses kemasukannya.

Sehingga kini, kita meningkatkan penguatkuasaan termasuk di pintu masuk negara, selain mengadakan kerjasama dengan platform e-dagang supaya melarang penjualan RTK untuk MPox



Dr Muralitharan Paramasua, Ketua Pegawai Eksekutif MDA

KKM sahkan terima ubat antivirus Tecovirimat

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan sudah menerima ubat antivirus Tecovirimat untuk cacar monyet atau MPox Selasa lalu dengan pengagihannya akan ditumpukan kepada empat kumpulan berisiko tinggi.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kerajaan juga meneruskan pengawasan rapi meskipun tiada jangkitan baharu MPox dikesan di negara ini selepas 10 kes sejak 26 Julai lalu.

"Antiviral MPox (Tecovirimat) diterima KKM pada 24 September lalu tetapi ia hanya akan diberikan kepada empat kumpulan berisiko tinggi termasuk mereka yang mempunyai penyakit teruk dan memiliki tahap sistem imun rendah.

"Selain itu, perjanjian Vaksin MPox dimuktamadkan dan kita menunggu pelaksanaan dan penghantaran untuk kumpulan berisiko tinggi," katanya menerusi hantaran di platform X, semalam.

Pada 1 September lalu, Dr Dzulkefly mengumumkan

kerajaan akan menerima ubat antivirus Tecovirimat (TPOXX) dan Vaksin MVA-BN bagi virus MPox atau cacar monyet melalui 'COVID-19 ASEAN Response Fund' dalam masa terdekat.

Beliau berkata, Tecovirimat diguna dalam rawatan MPox khususnya kepada mereka yang mengalami jangkitan teruk atau mereka yang mempunyai imuniti lemah.

Katanya, pemberian vaksin MVA-BN mpox hanya diberi berdasarkan pemeriksaan dan penilaian pakar perubatan.

Dalam pada itu, beliau

turut mendedahkan KKM tidak akan melakukan vaksinasi umum kepada orang ramai.

Dr Dzulkefly melalui satu muat naik berasingan turut berkongsi mengenai lawatan beliau ke Pusat Kesiapsiagaan dan Kecemasan Kebangsaan (CPRC Dash-board) untuk taklimat perkembangan MPox dan keadaan banjir melanda Kedah.

"Petugas kesihatan (HCWs) barisan hadapan sudah digerakkan ke fasiliti di kawasan terjejas. Protokol pencegahan penyakit diaktifkan dan tiada wabak," katanya.



Perjanjian Vaksin MPox dimuktamadkan dan kita menunggu pelaksanaan dan penghantaran untuk kumpulan berisiko tinggi

Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19: Wanita bebas tuduhan timbulkan kegentaran awam

PUTRAJAYA: Mahkamah Majistret di sini melepas dan membebaskan seorang wanita daripada pertuduhan menimbulkan kegentaran awam dengan mendakwa tiga murid di Perak dan seorang pelajar di Sabah meninggal dunia akibat suntikan vaksin Covid-19, tiga tahun lalu.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin memutuskan demikian terhadap Liyana Razali tanpa memanggilnya membela diri selepas berpuas hati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadapnya.

"Mahkamah berpuas hati butiran pernyataan tertuduh berkenaan kematian pelajar di Ipoh dan di Lahad Datu selepas divaksin adalah tidak benar," ujar beliau dalam penghakiman bertulis bertarikh 1 September lalu yang diperoleh pihak media dari laman web mahkamah, semalam.

Irza Zulaikha berpendirian, tidak timbul keraguan bahawa tertuduh merupakan individu yang membuat pernyataan dalam video itu kerana dia dicamkan oleh saksi pendakwaan ketika memberi keterangan di

mahkamah.

Bagaimanapun, beliau berpendapat, pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh berniat menyebabkan ketakutan dan kegentaran awam sehingga boleh menyebabkan masyarakat terdorong melakukan kesalahan berkaitan ketenteraman awam.

Ujarnya, ini kerana tidak terdapat sebarang laporan polis atau aduan dibuat oleh orang awam mahupun saksi yang dikemukakan yang menunjukkan berlaku kegentaran awam selepas mendengar kenyataan tertuduh

manakala saksi awam yang dikehendaki hanyalah bapa pelajar yang meninggal dunia.

Bagaimanapun, pihak pendakwaan telah memfailkan notis rayuan pada 13 Jun lalu di Mahkamah Tinggi untuk merayu keseluruhan perintah Mahkamah Majistret.

Liyana didakwa bagi pertuduhan pindaan kerana membuat kenyataan di 'Lampiran A' yang mungkin menyebabkan kegentaran awam kepada masyarakat yang mendorong mereka melakukan kesalahan terhadap ketenteraman awam.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu kira-kira pukul 9.17 pagi, 28 September 2021 di Kementerian Pengajian Tinggi di sini dan dituduh mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kenyataan pada 'Lampiran A' itu antara lain mendakwa tiga pelajar di Ipoh, Perak dan seorang lagi di Lahad Datu, Sabah yang meninggal dunia selepas mengambil suntikan vaksin Covid-19.